

UPM hasil produk binaan berkonepkan Lego

Serdang: Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menghasilkan produk bahan binaan berkonepkan Lego, dinamakan Putra Blok yang mampu mengurangkan kos dan tempoh pembinaan struktur rumah atau bangunan.

Produk yang dipaten di Malaysia dan United Kingdom itu, dihasilkan oleh sekumpulan pensyarah UPM yang diketuai Pengarah Pusat Penyelidikan Perumahan, Fakulti Kejuruteraan, Prof Datuk Ir Abang Abdullah Abang Ali bersama Prof Madya Dr Mohd Razali Abd Kadir dan Dr Salleh Jaafar.



Orang ramai melihat **bahan binaan Putra Blok** di UPM, semalam. [FOTO KAMARULZAMAN ARIFFIN/ BH]

Percepat pembinaan

Abang Abdullah berkata, blok terbabit dapat mempercepatkan pembinaan kerana ia tidak memerlukan penggunaan simen dan batang keluli, sekali gus mengurangkan tempoh pembinaan sebanyak 40 peratus dan mengurangkan kos sehingga 20 peratus.

“Ini produk pertama menggunakan sistem penyambung dan sistem

berongga tahan beban yang boleh digunakan untuk membina rumah, bangunan, menyambung dinding, pagar dan tambahan struktur. Ia juga lebih ringan untuk pengendalian manual, kukuh dan mesra alam.

“Blok itu hanya perlu disusun seperti diinginkan, malah sebuah rumah setingkat dapat disiapkan dalam tempoh kurang

empat hari. Pembinaan bangunan lima tingkat juga boleh menggunakan produk ini tanpa memerlukan sokongan besi keluli dan simen,” katanya.

Bercakap pada majlis penerangan 25 produk inovasi Fakulti Kejuruteraan UPM, di sini semalam, beliau berkata, pihaknya mencari syarikat yang berminat mengkomersialkan produk terbabit.